

# Siswa nikmati gaji permulaan lebih tinggi tahun lalu

Gaji permulaan cecah \$3,400 berbanding \$3,300 pada 2016, meski jumlah pekerjaan sepenuh masa merosot

LULUSAN universiti yang baru tamat pengajian meraih gaji permulaan yang lebih tinggi tahun lalu, walaupun jumlah mereka yang mendapat pekerjaan sepenuh masa merosot.

Mereka meraih gaji bulanan median atau pertengahan sebanyak \$3,400, berbanding \$3,300 pada 2016, menurut hasil satu tinjauan pe-

kerjaan siswazah bersama yang dikeluarkan semalam.

Gaji permulaan yang mereka terima juga adalah yang tertinggi sejak 2012 – tahun pertama tinjauan yang melibatkan lulusan Universiti Nasional Singapura (NUS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU) itu dijalankan.

Menurut akhbar *The Straits Times*, hampir sembilan daripada setiap 10 lulusan – atau 88.9 peratus lulusan universiti itu – mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas selesai peperiksaan akhir mereka.

Kadar ini berkurangan sedikit berbanding 89.5 peratus lulusan yang mendapat pekerjaan dalam tempoh yang sama pada 2016.

Mereka bekerja sepenuh masa, sambil, sementara atau secara bebas.

Lagi tiga peratus lulusan telah menerima tawaran pekerjaan tetapi belum mula bekerja saat tinjauan itu di-

jalankan.

Namun, jumlah lulusan yang mendapat pekerjaan tetap sepenuh masa pula jatuh daripada 79.9 peratus pada 2016 kepada 78.4 peratus tahun lalu.

Lebih ramai lulusan universiti bekerja secara bebas tahun lalu – sekitar 2.4 peratus daripada mereka – berbanding 1.7 peratus lulusan pada 2016.

Sementara itu, jumlah lulusan yang meraih pekerjaan sambil atau sementara kekal pada kadar lapan peratus.

Tinjauan yang dijalankan November lalu itu melibatkan 11,628 lu-

lusan universiti yang baru tamat pengajian sepenuh masa di NUS, NTU dan SMU.

Sebanyak 93.9 peratus daripada lulusan SMU mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas peperiksaan akhir mereka manakala sekitar 90 peratus lulusan NUS dan NTU pula berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh yang sama.

Gaji bulanan kasar median yang diraih lulusan NTU dan NUS naik sedikit kepada \$3,487 bagi lulusan NTU dan \$3,500 bagi lulusan NUS tahun lalu.

Sementara itu, gaji bulanan kasar median yang diraih lulusan SMU pu-

la kekal pada tahap \$3,500 – sama dengan 2016.

Bagi NUS, lebih 90 peratus daripada kohort pertamanya dalam jurusan analitik perniagaan dan di Kolej Yale-NUS telah berjaya mendapatkan pekerjaan.

Malah, 97.6 peratus daripada lulusan yang baru tamat pengajian kursus analitik perniagaan di universiti itu berjaya meraih pekerjaan, dengan gaji bulanan media sebanyak \$4,000.

Sementara itu, 93.3 peratus daripada kumpulan lulusan pertama Yale-NUS pula berjaya mendapatkan pekerjaan, dengan gaji median sebanyak \$3,500 secara keseluruhan.